

AKHBAR : BERITA HARIAN  
 TAJUK BERITA : PERKHIDMATAN AWAM USAH 'SYOK SENDIRI'  
 TARIKH : 21 OKTOBER 2011 (JUMAAT)

# Perkhidmatan awam usah 'seronok sendiri'

Rakyat perlu diperjelas inisiatif kerajaan: Muhyiddin

Oleh Syuhada Choo Abdullah dan Haspaizi Mohd Zain  
 bhnews@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Perkhidmatan awam tidak harus diulit perasaan 'seronok sendiri' ketika merealisasikan semua sasaran Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), sebaliknya perlu berusaha mendapatkan penerimaan rakyat dan memperbetulkan persepsi silap mereka terhadap inisiatif murni kerajaan selama ini.

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, data kejayaan pencapaian NKRA yang diperlihatkan tidak akan membawa sebarang makna jika rakyat tidak merasa kesannya, justeru mereka perlu menitikmati hasil berkenaan menerusi pemeraksanaan yang diterajui oleh perkhidmatan

awam, sekali gus maklum segala pelaksanaan kerajaan hanya untuk kesejahteraan rakyat.

Sambil mengingatkan rakyat sedang memerhati serta menilai usaha dilakukan, Timbalan Perdana Menteri berkata, sebarang kealpaan akan menyebabkan perkhidmatan awam diberi penilaian negatif dan ditafsir sebagai tidak relevan lagi dalam pembangunan negara.

"Sebagai penjawat awam yang mendukung dan menjayakan dasar kerajaan, penting untuk kita sentiasa memikirkan persoalan seperti adakah rakyat memahami usaha dilakukan kerajaan selama ini; mengapa rakyat tidak bersama menjayakan segala usaha itu; apakah impak cukup besar kepada rakyat untuk mereka menghargai apa dilakukan kerajaan selama ini; serta di manakah



*Sebarang kealpaan akan menyebabkan perkhidmatan awam diberi penilaian negatif dan ditafsir sebagai tidak relevan lagi dalam pembangunan negara*

**Muhyiddin Yassin**  
 Timbalan Perdana Menteri

silapnya apabila rakyat masih tidak berpuas hati dengan segala usaha dan pencapaian kita?

"Kita perlu kesan, imbas dan betulkan segala tindakan serta usaha kita bagi menjayakan inisiatif itu," katanya ketika menyampaikan ucapan pada majlis peras-



mian Persidangan Perkhidmatan Awam Ke-16 bertema Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan: Peranan Perkhidmatan Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan; Ketua Penga-

rah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Abu Bakar Abdullah; Pemangku Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD), Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya; serta Pengarah INTAN, Dr Aminuddin Hassim.

Bagi memastikan setiap tindakan mengutamakan kepentingan rakyat itu berjaya, Muhyiddin berkata, pertemuan serta interaksi dengan mereka perlu kerana sebarang keputusan yang hanya berdasarkan kepada keupayaan sendiri dan andaian teori semata-mata adalah langkah kurang menyeluruh.

"Justeru, sebarang pengubalan, kajian semula dan penilaian dasar kerajaan perlu dilakukan berterusan melalui maklum balas daripada pihak berkepentingan supaya objektif ini dapat dipenuhi. Rakyat perlu memahami rasional suatu dasar itu. Me-

reka hendaklah bersama dalam proses penghasilan suatu dasar bagi mengelakkan ketidakpuasan hati yang boleh menimbulkan bangkangan dan penentangan," katanya.

Sementara itu, ketika berucap melancarkan Dana Pendidikan Perubatan Kolej Universiti Sains Perubatan Alliance (AUCMS), Muhyiddin berkata, kerajaan yakin institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) mampu menjadi pengeluar pakar perubatan terutamanya doktor bagi memenuhi piawaian antara-bangsa dalam usaha menawarkan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.

Katanya, berdasarkan kepada piawaian ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), nisbah bilangan doktor bagi setiap pesakit di negara kita kini belum mencapai piawaian berkenaan.



MENARIK

BERITA HARIAN  
 Esok

► Kesederhanaan Tengku Zatashah

► Faizal Hot FM kongsi tip jadi deejay

► Cerai isteri tak pandai melaram

